

MAJLIS SERAH TERIMA TUGAS MARKAS PASUKAN SIMPANAN TENTERA UDARA

airforce.mil.my/berita/berita-dari-pangkalan/4022-majlis-serah-terima-tugas-markas-pasukan-simpanan-tentera-udara

Kuala Lumpur, 18 Okt 18 – Markas Pasukan Simpanan Tentera Udara telah mengadakan Majlis Serah Terima Tugas bertempat di Bilik Pengarah PSTU. Upacara Serah Terima Tugas ini terdiri daripada PS 3 Rancang LLP, PS 3 Pengambilan dan Pegawai Waran Markas PSTU. Leftenan Helmi bin Kamil TUDM telah menyerahkan tugas sebagai PS 3 Rancang LLP kepada Leftenan Muda Nurul Farah Hanim binti Ahamad TUDM, Leftenan Muhammad Faiz Mu'izzuuddin bin Ibrahim TUDM telah menyerahkan tugas sebagai PS 3 Pengambilan kepada Leftenan Muda Muhammad Fauzi bin Maideh TUDM, manakala Pegawai Waran Udara 1 Sahizan Bin Sahak telah menyerahkan tugas sebagai Pegawai Waran Markas PSTU kepada Pegawai Waran Udara 1 Raja Abdul Johkeri bin Raja Abdul Rahman.

Majlis Serah Terima Tugas ini telah disaksikan sendiri oleh Pengarah Markas PSTU, Kolonel Hj Ahmad Roslan Zaki bin Abdul Ghani TUDM.



